

17 OCT 2000

MAHATHIR-DIGITAL

K'JAAN CUBA SEDAYA UPAYA UNTUK KURANGKAN PERBEZAAN PENGETAHUAN DIGITAL

PETALING JAYA, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan cuba sedaya upayanya untuk mengelak perbezaan pengetahuan digital di kalangan rakyat Malaysia tatkala negara ini bergerak ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan K-ekonomi yang diadakan di sini hari ini.

Langkah-langkah seperti program sekolah pintar akan mengecilkan jurang digital ini tetapi untuk menyediakan perisian dan perkakasan komputer untuk semua sekolah tidak boleh dilakukan dalam tempoh sehari semalam, kata Dr Mahathir.

Menjawab pertanyaan yang diutarakan oleh hadirin pada persidangan anjuran biro keahlian pertuturan-Bahasa Inggeris MCA di sini, beliau berkata walaupun keadaan jurang pengetahuan di Malaysia tidaklah teruk, "tetapi jurang pengetahuan digital sentiasa berlaku antara negara yang kaya dengan negara miskin."

Dr Mahathir mencadangkan satu cara untuk mengurangkan jurang perbezaan pengetahuan digital ialah melalui pengeluaran perisian dan perkakasan yang murah.

Beliau berkata ramai pakar teknologi maklumat Malaysia lebih sukar berhijrah memandangkan kemudahan-kemudahan dan makmal-makmal untuk penyelidikan dan pembangunan agak mahal dan hanya boleh didapati di negara-negara kaya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata perkara ini (penghijrahan) yang turut dihadapi oleh negara-negara Asia lain mungkin bersifat sementara.

"Telah terbukti yang beberapa pakar IT Asia telah memulakan industri-industri baru di negara asal mereka setelah mereka berjaya menguasai teknologi dan mengumpulkan modal di seberang laut," kata beliau.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata, Koridor Raya Multimedia (MSC) sebenarnya tidak bersaing dengan pusat-pusat multimedia lain di rantau Asia.

Bahkan, MSC lebih suka bekerjasama dengan pusat-pusat yang serupa di rantau ini, terutamanya dalam aktiviti penyelidikan.

"Tetapi, kita mengakui yang MSC merupakan satu-satunya projek terbesar seumpamanya dengan keluasan kawasan 15km kali 50km, hampir sebesar Singapura. Kita mempunyai peruntukan-peruntukan istimewa seperti undang-undang siber, prasarana-prasarana yang perlu dan kerajaan yang "mesra" dengan para pelabur," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Malaysia telah bersedia memulihkan kedudukannya kembali apabila benteng yang memisahkan pelanggan dan pengeluar "runtuh" di bawah K-ekonomi, beliau berkata, "Sudah sentiasa termaklum yang semua pengguna adalah pengeluar dan semua pengeluar adalah pengguna."

"Anda mesti mengeluarkan sesuatu untuk mendapatkan wang," tambah beliau.

Tetapi persatuan-persatuan pengguna di Malaysia masih berfikir yang mereka hanyalah pengguna dan yang lainnya adalah pengeluar yang mesti menurunkan harga produk mereka setiap waktu dan ketika, tegas Dr Mahathir.

"Saya percaya untuk lebih adil kepada kedua-dua pihak (pengguna dan pembeli)," tambah beliau.

Beliau memberi amaran tatkala dunia menguasai K-ekonomi, produk-produk akan boleh didapati dengan lebih senang dan pantas.

"Kita perlu mendidik rakyat kita bagaimana menggunakan pengetahuan dan maklumat di internet untuk mempercepatkan apa sahaja yang kita lakukan,"

kata beliau. -- BERNAMA
MAD KTC AA OS